

Pertemuan Anwar, Nik Abduh cetus spekulasi

Ramai buat andaian bekas Ahli Parlimen Bachok mahu bersama PH

Oleh Nor Fazlina Abdul Rahim
nfazlina@bh.com.my

Kota Bharu: Gambar pertemuan Datuk Seri Anwar Ibrahim dengan bekas Ahli Parlimen Bachok, Nik Mohamad Abduh Nik

Abdul Aziz, ketika lawatan Perdana Menteri ke Kelantan kelmarin menimbulkan spekulasi baharu dalam politik.

Pertemuan itu yang dikatakan diadakan di Hotel Perdana, dekat sini turut dihadiri abang Nik Mohamad Abduh iaitu Nik Omar dan Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail.

Gambar pertemuan itu mula tersebar sejak malam kelmarin selepas dimuat naik dua keping oleh pendakwah bebas, Wan Ji Wan Hussin, yang turut hadir pada perjumpaan itu.

Umum mengetahui hubungan Nik Abduh dan Nik Omar yang tidak sehaluan dalam berpolitik



Gambar pertemuan Anwar dengan Nik Abduh (kiri) ketika lawatan Perdana Menteri ke Kelantan; kelmarin mencetuskan tanda tanya. Turut serta, Wan Azizah dan Nik Omar.

apabila memilih jalan dan haluan parti yang saling bertentangan.

Pada Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU15), PAS menggugurkan Nik Abduh sebagai calon parti itu dan kerusi yang ditandingi sebelum ini diberikan kepada Muhammad Shahir Che Sulaiman.

Nik Omar membuat kemunculan di pentas politik dengan memilih untuk bersama Pakatan Harapan (PH) dan bertanding di kerusi Parlimen Pasir Salak atas tiket PKR.

Susulan pertemuan itu, ramai yang membuat spekulasi termasuk Nik Abduh mahu bersama PH menjelang Pilihan Raya Negeri (PRN) selepas namanya digugurkan pada PRU15.

Spekulasi itu dikuatkan apabila dikaitkan hubungan rapat Anwar dengan Allahyarham Datuk Nik Aziz Nik Mat sebelum ini.

Terdahulu, Wan Ji memuat naik dua keping gambar sambil berkata 'Insya-Allah, legasi Tok Guru Nik

Abdul Aziz sentiasa di hati Perdana Menteri Malaysia'.

Menerusi hantaran lain pula, Wan Ji memaklumkan, walaupun ada pihak berusaha mahu memataikan legasi Tok Guru Nik Abdul Aziz, pasti akan ada pihak berusaha mengangkat legasi itu.

"Ramai wartawan hubungi, tapi saya ada beberapa urusan yang perlu diselesaikan. Petang ini (semalam), ada berjumpa dengan seorang ulama hadis hebat pula," katanya menerusi Facebook.